

# Melindungi kanak-kanak semasa COVID-19

## Tip untuk pekerja sosial dan pengamal kebajikan sosial

### #7 - Pemantauan Maya

Memantau kanak-kanak dan/atau orang dewasa berisiko di rumah atau dalam kemudahan pusat jagaan berkediaman adalah satu cabaran, apabila tidak mungkin untuk melawat rumah atau kemudahan, misalnya, semasa COVID-19.

**Kanak-kanak dan keluarga yang berisiko perlukan pemantauan daripada pekerja sosial terutama dalam keadaan tersebut**

**Terdapat beberapa perkara yang anda boleh lakukan untuk memantau situasi mereka secara maya, melalui telefon atau penggunaan media sosial dan bantu menyakinkan bahawa mereka selamat dan sihat.**

#### **Kekerapan pemantauan maya:**

- Orang dewasa dan kanak-kanak di dalam rumah mereka: bergantung kepada status risiko kanak-kanak, hubungi setiap hari, dua kali seminggu, atau setiap minggu untuk memantau status mereka.
- Panggilan mingguan kepada Kemudahan Perkhidmatan Berkediaman (Pengurus/ pekerja sosial)
- Hubungi atau mesej WhatsApp dengan rakan-rakan sekutu dan perkhidmatan apabila timbul keperluan.

#### **Selanjutnya:**

- Apa yang diibatkan dalam pemantauan maya?
- Bagaimana memantau secara maya?



# Melindungi kanak-kanak semasa COVID-19

## Tip untuk pekerja sosial dan pengamal kebajikan social

### #7 - Pemantauan Maya

Pekerja sosial dan pengamal, anda wajar mendapat pujian!

Terima kasih atas sokongan berterusan kepada kanak-kanak dan keluarga yang memerlukan, walaupun dalam masa yang penuh cabaran ini. Anda adalah wira.



## Dalam pemantauan maya, apa yang terlibat?

- Sediakan kempen kesedaran COVID-19 melalui telefon atau internet dengan menyampaikan pesanan asas mengenai tanda dan simptom, pendekatan kebersihan dan penjarakan sosial, rujukan kesihatan serta nombor-nombor hotline.
- Galakkan penjaga untuk mempromosi kesejahteraan emosi kanak-kanak dengan bercakap kepada mereka mengenai COVID-19, mengurangkan tekanan, menggunakan teknik keibubapaan positif, meneruskan persekolahan di rumah, aktiviti-aktiviti di rumah, dan senario perancangan kepada keluarga apabila terdapat penjaga yang sakit.
- Menyediakan mesej tentang COVID-19 yang jelas, mesra kanak-kanak dan sensitif dengan keupayaan gender, termasuk membasuh tangan dengan betul, memakai pelitup muka dan penjarakan sosial. Guna klip video untuk kanak-kanak kecil bagi menerangkan kaedah yang betul untuk membasuh tangan dan penjarakan sosial.
- Sampaikan mesej yang mudah untuk menyakinkan kanak-kanak dan membantu penjaga memberi maklumbalas yang sesuai terhadap maklumat dan keperluan emosi kanak-kanak.
- Sediakan sokongan psikososial kepada kanak-kanak terutama kepada kanak-kanak yang terkurung di dalam rumah.
- Bertanya kepada keluarga, samada mereka menerima sokongan atau bantuan daripada mana-mana organisasi atau perkhidmatan.
- Sebagai sebahagian daripada orang terawal yang berhubung dengan penjaga, bekerja dengan mereka untuk merangka dan merancang pelan penyelesaian penjagaan untuk kanak-kanak yang mungkin diperlukan jika mereka jatuh sakit, dikuarantin, ditahan di hospital or mungkin lebih teruk. Sebagai contoh, galakkan mereka untuk berfikir mengenai ahli keluarga atau rakan yang boleh datang berziarah dan tinggal dengan kanak-kanak atau mengambil kanak-kanak tersebut.
- Pastikan anda menjaga kerahsiaan ketika membuat panggilan telefon dengan menjauhkan diri daripada orang dewasa yang lain dan tidak menggunakan pembesar suara di telefon.
- Lengkapkan rekod fail kes untuk semua panggilan telefon atau mesyuarat maya dengan kanak-kanak, dewasa dan ahli keluarga, dan membuat nota mengenai orang lain yang memberi sebarang bantuan kepada keluarga.



# Melindungi kanak-kanak semasa COVID-19

## Tip untuk pekerja sosial dan pengamal kebajikan social

### #7 - Pemantauan Maya

Pekerja sosial dan pengamal, anda wajar mendapat pujian!

Terima kasih atas sokongan berterusan kepada kanak-kanak dan keluarga yang memerlukan, walaupun dalam masa yang penuh cabaran ini.

Anda adalah wira.



## Panggilan kepada kanak-kanak dan penjaga mereka

### Kekerapan bergantung kepada status risiko kanak-kanak

- setiap hari jika kanak-kanak berisiko sangat tinggi.
- panggilan dua kali seminggu jika ada risiko tapi tidak segera
- setiap minggu untuk kanak-kanak berisiko sederhana

### Apa yang perlu ditanya dan bagaimana untuk menyokong:

- Tanya mengenai status semua ahli keluarga/isi rumah.
- Gunakan plan kes dan tanya samada dan bagaimana plan tindakan kes atas persetujuan bersama telah tercapai
- Berikan panduan mudah berkaitan COVID-19 dari segi pencegahan penyakit, tanda dan simptom serta nombor kecemasan.
- Memberi asas sokongan psikososial (lihat Tip#3 untuk Sokongan Psikososial: dengar, galakkan
- Beri panduan untuk mengurus tekanan dan kesihatan mental.
- Memberi panduan untuk kekal selamat sekiranya terdapat risiko keganasan (lihat #5 Tip/Petua Selamat apabila ada Risiko Keganasan)
- Tanya jika ada sesuatu yang baru muncul, samada praktikal (bertungkus lumus untuk membayar sewa atau membeli makanan) atau dinamik keluarga (mendapati tingkah laku pasangan yang tertekan) dan perlu membuat rujukan.
- Menilai dan membuat rujukan yang diperlukan.



# Melindungi kanak-kanak semasa COVID-19

## Tip untuk pekerja sosial dan pengamal kebajikan social

### #7 - Pemantauan Maya

Pekerja sosial dan pengamal, anda wajar mendapat pujian!

Terima kasih atas sokongan berterusan kepada kanak-kanak dan keluarga yang memerlukan, walaupun dalam masa yang penuh cabaran ini. Anda adalah wira.



## Memantau kemudahan Pusat Jagaan

Panggilan pemantauan secara mingguan kepada pengurus dan/atau pekerja sosial di pusat jagaan berkediaman

Tanya dan nilai:

- Minta kemas kini urusan keluar masuk kanak-kanak, nama-nama mereka, bagaimana peralihan diuruskan termasuk persiapan dan buat tindakan lanjut kanak-kanak dan keluarga, bagaimana pekerja sosial/ pelindung kanak-kanak dan pemimpin masyarakat/pihak berkuasa tempatan terlibat dalam fasa peralihan
- Memeriksa bekalan tetap kemudahan terutama bekalan air, sanitasi dan kebersihan, pendidikan dan rekreasi.
- Menilai isu perlindungan kanak-kanak

## Panggilan atau mesej WhatsApp dengan rakan dan pembekal perkhidmatan

**Siapa:** rakan kerajaan tempatan dan persekutuan (berdasarkan keperluan), perlindungan kanak-kanak dan lain2 (kesihatan, air, sanitasi dan kebersihan, pendidikan, perlindungan, tempat perlindungan) mekanisma penyelarasan, rangkaian masyarakat sivil dan pihak berkuasa tempatan dan pemimpin masyarakat).

Tentang apa:

- Kemaskini mengenai tindakan yang diambil untuk melindungi kanak-kanak dan keluarga.
- Melaporkan atau buat tindakan lanjut sebarang isu perlindungan kanak-kanak
- Menyemak, mengemaskini dan menyelaraskan mesej utama
- Mengemaskini keperluan untuk sokongan tambahan
- Mengenalpasti peluang jaringan, kerjasama dan usaha penyelarasan

